



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Modul Teknologi Maklumat & Komunikasi

Modul Aplikasi

PENDIDIKAN ISLAM

Tahun 2



Modul Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pendidikan Islam
Tahun 2

KEPENTINGAN BERISTINJAK SELAIN DARIPADA AIR

Standard Pembelajaran

3.1.4 Menganalisis kepentingan beristinja selain daripada air.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Tajuk

Tanggungjawab Terhadap Keluarga (II)

Masa Pengajaran

1 jam

Standard Kandungan

- 3.1** Memahami dan mengamalkan konsep beristinjak selain daripada air dalam kehidupan harian

Standard Pembelajaran

- 3.1.4** Menganalisis kepentingan beristinjak selain daripada air.

Objektif Pembelajaran

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:

- Menghuraikan kepentingan beristinjak selain daripada air dengan betul.
- Menggunakan internet untuk memperoleh dan berkongsi maklumat mengenai kepentingan beristinjak selain menggunakan air.

Penerapan Kemahiran TMK

- 4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer.

Bahan Bantu Mengajar

Bahan untuk guru

- Projektor
- Komputer
- Capaian internet
- Fail Microsoft Powerpoint **Kepentingan Beristinjak 3.1.4 Guru.pptx**

Bahan untuk murid

- Komputer (kumpulan)
- Capaian internet
- Fail MS Powerpoint **Kepentingan Beristinjak 3.1.4 Murid.pptx**

SET INDUKSI

⌚ Durasi

5 minit

1. Murid memerhatikan 3 keping gambar di **Slaid 2** dalam fail Microsoft Powerpoint.



Slaid 2

2. Guru bersoal jawab dengan murid.

Pengecaman corak:

🗨️ Apakah ciri persamaan yang ada pada 3 alat ini?

💡 Nota Guru:

Murid dijangka dapat mengenali ciri-ciri alat tersebut.

Sebagai contoh

🗨️ Semua alat adalah bersih.

🗨️ Semua alat adalah kesat.

Penaakulan logik:

Sebutkan kegunaan alat-alat ini.

💡 Nota Guru:

Murid dijangka dapat mengenal pasti kegunaan alat-alat ini.

Sebagai contoh

🗨️ Alat-alat ini boleh digunakan untuk beristinja kerana alat-alat ini bersih dan kesat.

💡 Nota Guru

Pengetahuan sedia ada daripada pengajaran standard pembelajaran 3.1.1 hingga 3.1.3 digunakan sebagai persediaan murid bagi pengajaran ini.

💻 Nota Pemikiran Komputasional



Pengecaman Corak


Murid memerhatikan ciri-ciri persamaan antara ketiga-tiga alat yang diberi.

LANGKAH 1

⌚ Durasi

35 minit

1. Murid diminta membentuk kumpulan kecil seramai 3 hingga 4 orang.
2. Murid diberitahu bahawa mereka akan mencari maklumat menggunakan komputer untuk melengkapkan slaid dalam fail Microsoft Powerpoint **Kepentingan Beristinjak 3.1.4 Murid.pptx**.




Slaid 1: Kepentingan Beristinjak 3.1.4 Murid.pptx

3. Setiap kumpulan dikehendaki:
 - Memilih seorang ketua kumpulan.
 - Membuat peraturan dengan membahagi tugas sesama ahli kumpulan dan menetapkan giliran setiap orang menggunakan komputer.
- Contoh peraturan yang boleh dibuat:**
- Seorang murid akan memasukkan kata carian.
 - Seorang lagi murid akan memilih dan klik pautan pada hasil carian.
 - Seorang lagi murid akan membaca dan melengkapkan lembaran kerja.

🖥 Penerapan Kemahiran TMK

- 4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer.

- Murid boleh klik butang “back” pada pelayar web untuk kembali ke halaman hasil carian dan giliran murid lain pula yang memilih dan klik pada pautan hasil carian.
 - Ketua kumpulan akan memastikan bahawa peraturan ini diikuti oleh setiap ahli kumpulan.
4. Setelah dipersetujui guru, murid mula mencari maklumat secara berkumpulan dengan menggunakan pelayar web.
 5. Murid dikehendaki memasukkan kata kunci “kepentingan beristinja selain air” pada omnibox dalam pelayar web.



Contoh hasil carian


6. Murid melengkapkan slaid dalam fail Microsoft Powerpoint **Kepentingan Beristinja 3.1.4 Murid.pptx** secara berkumpulan berdasarkan hasil carian.
7. Setelah kesemua kumpulan melengkapkan slaid, guru bertanya kepada murid.
 - ❏ Apakah isu yang dihadapi apabila mereka terpaksa berkongsi komputer?
 - ❏ Sekiranya mereka berjaya mengatasi isu tersebut, bagaimana mereka melakukannya?
 - ❏ Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya ahli kumpulan tidak bertolak ansur antara satu sama lain apabila mereka perlu berkongsi komputer?

LANGKAH 2

⌚ Durasi

15 minit

1. Setiap kumpulan bergilir menyatakan satu kepentingan beristinjak.
2. Guru memasukkan jawapan murid yang boleh diterima ke dalam slaid guru agar semua kumpulan dapat membandingkan jawapan dengan slaid masing-masing.




PENGUKUHAN/PENUTUP

⌚ Durasi

5 minit

1. Guru bersoal jawab dengan murid mengenai kepentingan beristinjak.
Contoh soalan
❏ Apakah kepentingan beristinjak?
2. Murid menjawab soalan guru secara individu.
Contoh jawapan
❏ Menjauhkan diri daripada kuman yang membawa penyakit.
❏ Supaya badan dalam keadaan sihat dan bersih.
❏ Dapat mengerjakan ibadat kepada Allah S.W.T dengan khusyuk.
❏ Mengelakkan daripada dipandang jijik oleh orang lain.
3. Guru mengingatkan murid supaya mengamalkan cara istinjak yang betul dalam kehidupan harian.



RUBRIK PENTAKSIRAN

Nama:

Kelas:

Tarikh:

Bil.	Komponen TMK	Kemahiran TMK	Tahap		
			Rendah 1	Mahir 2	Cemerlang 3
1	4.0 Mengamalkan sikap bertanggungjawab dan beretika dalam TMK	4.2 Bertoleransi dengan rakan sekelas semasa menggunakan komputer.	Murid berjaya membuat dan melaksanakan peraturan menggunakan komputer dengan bimbingan guru sepenuhnya. ☐	Murid berjaya membuat dan melaksanakan peraturan menggunakan komputer dengan bimbingan guru. ☐	Murid berjaya membuat dan melaksanakan peraturan menggunakan komputer tanpa bimbingan guru. ☐

BORANG RUBRIK PENTAKSIRAN MURID

Kelas:

Tandakan (✓) di ruangan yang disediakan.

[illegible]



Modul Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pendidikan Islam
Tahun 2

BACAAN NUN DAN MIM SYADDAAH

Standard Pembelajaran

- 1.6.1 Mengenal pasti kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul.
- 1.6.2 Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul dan bertajwid.

SENARAI SEMAK KEMAHIRAN ASAS TMK

Sebelum memulakan sesi PdP, guru perlu memastikan murid telah menguasai kemahiran asas yang berikut.

- ✓ Melancarkan pelayar web
- ✓ Menutup pelayar web
- ✓ Merekod suara menggunakan Sound Recorder
- ✓ Membuka dan mengedit fail Microsoft Powerpoint



RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Tajuk

Bacaan Nun dan Mim Syaddah

Masa Pengajaran

1 jam

Standard Kandungan

- 1.6** Membaca ayat yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul dan bertajwid

Standard Pembelajaran

- 1.6.1** Mengenal pasti kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul.
- 1.6.2** Membaca kalimah dan potongan ayat yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul dan bertajwid.

Objektif Pembelajaran

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:

- Membaca kalimah yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul.
- Mengategorikan kalimah yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dengan betul.
- Menggunakan internet untuk memperoleh dan berkongsi maklumat.

Penerapan Kemahiran TMK



Pemikiran Komputasional: Pengecaman Corak

- 3.1 Menganalisis data melalui pengecaman corak.

Bahan Bantu Mengajar

Bahan untuk guru

- Projektor
- Komputer
- Capaian internet
- Fail Microsoft Powerpoint **Nun dan Mim Syaddah 1.6.1 Guru.pptx**

Bahan untuk murid


- Komputer (kumpulan)
- Lembaran Kerja 1.6.1** (individu)
- Fail MS Powerpoint **Nun dan Mim Syaddah 1.6.1 Murid.pptx**

SET INDUKSI

⌚ Durasi

5 minit

1. Murid memerhatikan slaid dalam fail Microsoft Powerpoint **Nun dan Mim Syaddah 1.6.1 Guru.pptx**.



Slaid 2

2. Guru bersoal jawab dengan murid.
Pengecaman corak:
🗣️ Apakah huruf rumi yang mirip tanda syaddah?
3. Guru mempamerkan kalimah yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah serta kalimah yang tidak mengandungi nun dan mim syaddah.
4. Guru membaca setiap potongan kalimah tersebut dan diikuti oleh murid.

💡 Nota Guru

Pengetahuan sedia ada daripada pengajaran standard pembelajaran 3.1.1 hingga 3.1.3 digunakan sebagai persediaan murid bagi pengajaran ini.

💻 Nota Pemikiran Komputasional



Pengecaman Corak

Murid mengecam bacaan kalimah yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah.


LANGKAH 1

⌚ Durasi

30 menit

Slaid 3 hingga 9

1. Guru menerangkan kepada murid mengenai nun dan mim syaddah menggunakan slaid Microsoft Powerpoint. Murid memerhatikan slaid dalam fail Microsoft Powerpoint **Nun dan Mim Syaddah 1.6.1 Guru.pptx**.
2. Murid diminta membentuk kumpulan kecil dan setiap murid diberi **Lembaran Kerja 1.6.1**.
3. Murid secara berkumpulan dikehendaki mencari contoh perkataan yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah dalam bentuk teks atau imej berdasarkan kata kunci yang diberikan oleh guru dengan menggunakan komputer.
4. Kata kunci: “nun dan mim syaddah”.



5. Setiap kumpulan dikehendaki menulis kalimah yang mengandungi nun dan mim syaddah yang dijumpai di dalam lembaran kerja yang diberikan.
6. Setiap murid bergilir merekodkan bacaan perkataan yang telah dijumpai dengan menggunakan perisian Sound Recorder.
7. Guru memainkan rakaman dan memperbetulkan kesalahan murid sekiranya perlu.


💡 Nota Guru

Kemahiran merekod dan menyimpan suara menggunakan perisian “Sound Recorder” telah dipelajari murid dalam **Modul Kemahiran Asas TMK Tahun 1**.

LANGKAH 2

⌚ Durasi
15 minit

1. Setiap kumpulan diberikan fail Microsoft Powerpoint **Nun dan Mim Syaddah 1.6.1 Murid.pptx**.
2. Setiap kumpulan dikehendaki melengkapkan latihan di dalam slaid Microsoft Powerpoint dengan berbincang dan menyatakan jawapan mereka.
3. **Pengecaman corak:** Murid dikehendaki mengkategorikan kalimah yang mengandungi bacaan nun dan mim syaddah pada slaid PowerPoint secara berkumpulan.
4. Setiap kumpulan memasukkan bacaan perkataan yang telah mereka rekodkan dalam Aktiviti 1 ke dalam kategori masing-masing.



Slaid 1: Nun dan Mim Syaddah 1.6.1 Murid.pptx

5. Kumpulan lain mengesahkan sama ada jawapan yang diberi itu tepat.

🖥️ Nota Pemikiran Komputasional



Pengecaman Corak

Murid mengecam kalimah yang mengandungi nun dan mim syaddah dalam bentuk tulisan dan klip audio.

LANGKAH 3

⌚ Durasi

5 minit

1. Guru menunjukkan **Slaid 10**.



Slaid 10

2. Murid diberitahu bahawa saintis komputer telah mengkaji dan mengenal pasti corak tulisan dan pelbagai bunyi yang dilafazkan dalam pertuturan Bahasa Arab.
3. Berdasarkan kemahiran pengecaman corak, saintis komputer menghasilkan reka bentuk papan kekunci yang membolehkan kita menaip dalam Bahasa Arab.
4. Guru turut menerangkan kepada murid bahawa sekiranya mereka ingin membangunkan teknologi apabila dewasa kelak, mereka juga perlu melihat corak pada benda-benda yang ada di sekeliling mereka.

PENUTUP

⌚ Durasi

5 minit


1. Murid membaca kalimah yang mengandungi nun dan mim syaddah secara berkumpulan.
2. Guru bersoal jawab dengan murid mengenai nun dan mim syaddah.
 - 🗣️ Nun dan mim syaddah juga dikenali sebagai...?
 - 🗣️ Nun dan mim syaddah terdiri daripada berapa huruf?
 - 🗣️ Apakah hukum bacaannya?
3. Murid menjawab soalan guru secara individu.

Contoh jawapan

 - 🗣️ Nun dan mim syaddah juga dikenali sebagai Wajibal Ghunnah (Ghunnah Musyaddad) yang bermaksud diwajibkan dengung.
 - 🗣️ Terdiri daripada dua huruf iaitu م ن
 - 🗣️ Panjang bacaannya adalah 2 harakat.
4. Guru mengingatkan murid supaya membaca kalimah yang mengandungi nun dan mim syaddah dengan betul semasa membaca al-Quran.

LEMBARAN KERJA 1.6.1

Tuliskan contoh kalimat yang mengandung nun dan mim syaddah di dalam peta buih ini.



RUBRIK PENTAKSIRAN

Nama:

Kelas:

Tarikh:

Bil.	Komponen TMK	Kemahiran TMK	Tahap		
			Rendah 1	Mahir 2	Cemerlang 3
1	3.0 Menggunakan Pemikiran Komputasional untuk proses penyelesaian masalah	3.1 Menganalisis data melalui pengecaman corak.	Murid dapat menganalisis data melalui pengecaman corak dengan bimbingan guru sepenuhnya. ☐	Murid dapat menganalisis data melalui pengecaman corak dengan bimbingan guru. ☐	Murid dapat menganalisis data melalui pengecaman corak tanpa bimbingan guru. ☐

BORANG RUBRIK PENTAKSIRAN MURID

Kelas:

Tandakan (✓) di ruangan yang disediakan.

[illegible]



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my/>

